



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM  
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047  
Tarikh : 23 Ogos 2010

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BIL 17 TAHUN 2010  
PENGEMASKINIAN REKOD PERIBADI HRMIS

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. *Human Resource Management System (HRMIS)* adalah satu sistem yang wajib digunakan oleh semua penjawat awam. Sistem ini mengandungi lima belas (15) modul utama. Pada tahun 2010, dua (2) modul telah dijadikan sebagai KPI kepada semua KSU Kementerian yang seterusnya telah menjadi agenda utama pencapaian KPI bagi semua Ketua Pengarah. Dua modul tersebut adalah Modul Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan yang perlu diselesaikan dan mencapai tahap 100% sebelum 30 September 2010.


3. Bagi memastikan perkara ini mencapai sasaran yang ditetapkan, Y Bhg Ketua Pengarah, menghendaki semua anggota LGM, mengemaskini rekod peribadi di dalam HRMIS dan mengisi borang maklumat peribadi.

4. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan - Cara Mengemaskini Rekod Peribadi, dan borang maklumat peribadi sebagai rujukan dan panduan. Borang Maklumat Peribadi hendaklah diisi dan dimajukan kepada Pembantu Setiausaha Pejabat (PA) di bahagian/unit/stesen/wilayah/negeri sebelum dikemukakan kepada pihak UPSM secara softcopy.

Kedua-dua perkara ini hendaklah dikemaskini dan dihantar ke UPSM selewat-lewatnya pada 30 Ogos 2010 ( Isnin ).

Sekian, dimaklumkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"

  
(ROSNA BINTI ABD RAZAK)

s.k : Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian